

# Identiti Remaja

---

## Apa itu identiti?

Identiti adalah berkenaan mengetahui siapa diri anda.

Mengenal diri anda ialah mencari identiti anda sendiri.

Identiti termasuk:

Meletakkan diri anda di dalam

- Berperanan
- Berkemahiran
- Berpengetahuan
- Personaliti
- Tingkah laku
- Budaya
- Etnik/bangsa
- Agama
- Jantina
- Keluarga
- Kawan-kawan



Membentuk identiti sangat kompleks iaitu:

- Bermula dari zaman kanak-kanak
- Tinggal di sesuatu tempat di dalam jangka masa lama
- Penting ketika melangkah remaja
- Terlibat di dalam pelbagai pengalaman semasa perkembangan hidup

## Bagaimanakah seseorang itu membentuk identiti?

Faktor-faktor positif yang mempengaruhi identiti adalah:

### *Ibu bapa dan ahli keluarga*

Ibu bapa yang sentiasa menggalakkan remaja melibatkan diri dalam membuat keputusan keluarga akan memperkukuhkan pembentukan identiti remaja.

Faktor-faktor meningkatkan pembentukan identiti:

- Jika anda diterima seadanya oleh keluarga anda
- Jika anda diberi penerangan dan penjelasan tentang apa yang akan terjadi apabila anda melanggar peraturan
- Jika ibu bapa sentiasa menekankan keperluan mematuhi peraturan dan kepentingan peraturan dan 'norma'
- Sekiranya anda dihormati kerana individual anda dan dibenarkan meluahkan pendapat anda, berundinglah dan bertolak-ansur di dalam perbincangan itu

### ***Budaya dan etnik/bangsa***

Budaya adalah satu kombinasi tingkah laku dan sikap di kalangan kumpulan manusia.

Amalan sosialisasi dan jangkauan berbeza dari satu budaya dengan budaya yang lain.

Etnik dan amalan budaya anda mempengaruhi identiti.

### ***Jantina***

ama ada lelaki atau pun perempuan terdapat banyak aspek yang mempengaruhi identiti.

### ***Agama***

Agama memberi garis panduan dalam membentuk tingkah laku.

Agama memberi tunjuk ajar kepada remaja untuk menempuh kehidupan menjadi seorang dewasa.

### ***Rakan sebaya (Kawan-kawan)***

Pergaulan dengan kawan-kawan mempengaruhi identiti anda:

- Tingkah laku
- Pandangan
- Muzik
- Aktiviti
- Dan lain-lain

Semakan akhir: 14 Julai 2006